

Membudayakan Etika, Nilai dan Integriti dalam Koperasi

Afizah Abd.Jalal

Maktab Koperasi Malaysia Zon Selatan



Dunia hari ini telah akur dengan kenyataan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun dan berupaya mencapai kejayaan besar dalam pelbagai bidang, dan kini sedang gigih berusaha menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri menjelang tahun 2020. Transformasi ke arah menjadikan masyarakat maju bukan sahaja menjurus kepada kemajuan ekonomi semata-mata, bahkan ia juga perlu seiring dengan kemajuan dalam pembangunan sosial, budaya, intelek dan rohani masyarakat setempat. Antara fokus terpenting untuk mencapai hasrat ini ialah melalui peningkatan dan pemantapan etika dan integriti yang perlu dipupuk dalam kehidupan bermasyarakat. Hanya dengan cara ini barulah kejayaan dapat dicapai dan dilestarikan.

Seiring dengan itu, gerakan koperasi juga tidak terkecuali untuk melibatkan diri dalam perancangan hala tuju pembangunan negara yang menuntut perubahan menyeluruh dalam gerakan koperasi. Isu yang mengekang kemajuan gerakan koperasi selama ini seperti pengurusan kewangan, kepimpinan, dan penglibatan anggota perlu ditangani dengan berkesan. Gerakan koperasi berhadapan dengan pelbagai cabaran baharu dari dalam dan luar yang mempengaruhi prestasinya. Perubahan dalam ekonomi, politik dan persekitaran termasuklah proses liberalisasi pasaran, kemunculan teknologi baharu dan perkembangan ICT mendesak koperasi untuk memperkuatkannya kedudukan dan meningkatkan daya saing dan daya tahan. Oleh itu, perlu wujud budaya yang positif dalam gerakan koperasi dengan mengambil kira etika, nilai dan integriti selari dengan nilai dan falsafah dalam gerakan koperasi sendiri.

Definisi Budaya

Menurut *Kamus Dewan*, budaya bermaksud tamadun atau peradaban. Dalam erti kata lain, budaya adalah suatu cara hidup yang berkembang dan dimiliki bersama oleh sekelompok manusia dan diwariskan sejak turun menurun. Budaya terbentuk daripada unsur yang rumit termasuk sistem agama dan politik, adat istiadat, bahasa, perkakas, pakaian, bangunan dan karya seni. Budaya itu boleh diubah melalui komunikasi, interaksi dan mempelajari budaya daripada yang lain.

Etika dan Nilai

Etika ialah himpunan norma serta piawai moral yang menjadi dasar integriti seseorang. Ia berperanan sebagai kod tingkah laku yang menjadi garis panduan bagi menentukan bagaimana sesuatu konflik yang dihadapi individu dapat diselesaikan atau ditangani untuk mengoptimumkan faedah atau manfaat bagi individu dan orang ramai dalam kehidupan bersama. Seseorang yang berada dalam organisasi hendaklah berkewajipan memahami tanggungjawab terhadap peranan dan perilaku terhadap organisasi. Manakala, nilai merupakan satu set pegangan yang menjadi asas bagi pembentukan sikap dan kelakuan individu. Ia memberikan kriteria bagi menentukan baik dan buruk yang diingini dan tidak diingini. Nilai seseorang atau sesuatu kelompok dipengaruhi oleh budaya dan agama.

ETIKOP (Kod Etika Koperasi)

Sejajar dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang bermatlamat untuk memantapkan etika serta membudayakan integriti dalam kalangan masyarakat koperasi, Kod Etika Koperasi atau dikenali sebagai ETIKOP telah diterbitkan. ETIKOP juga bersesuaian dengan tadbir urus, pengurusan, kewangan dan kawal selia yang berkesan seperti yang terkandung dalam Dasar Koperasi Negara. ETIKOP telah menggariskan beberapa nilai yang harus diikuti sebagai satu budaya dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi.

Integriti adalah pengukur utama amanah, kompetensi, profesionalisme dan keyakinan kepada individu dan organisasi.

Definisi Integriti

Integriti adalah pengukur utama amanah, kompetensi, profesionalisme dan keyakinan kepada individu dan organisasi. Menurut *Kamus Dewan*, integriti bermaksud kejujuran dan ketulusan, kesempurnaan, dan keutuhan. Ia juga berkait rapat dengan keikhlasan, keterbukaan, ketulusan dan amanah. Integriti secara umumnya boleh didefinisikan sebagai peribadi mulia yang meliputi nilai-nilai amanah, jujur, ikhlas, sabar, berlapang dada, telus, bertanggungjawab dan tidak melibatkan diri dengan kes rasuah. Oleh itu, seseorang yang dikatakan berintegriti mestilah berakhlaq mulia dan mengamalkan nilai-nilai murni yang wujud pada individu dan organisasi.

Secara amnya, integriti berkait rapat dengan etika. Ia berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan sehari-hari. Menurut Presiden Institut Integriti Malaysia, Sulaiman Mahbob, "integriti adalah kewibawaan dan boleh ditakrifkan sebagai keutuhan. Ia adalah pembawaan seseorang dari segi peribadi, tutur kata dan sopan santun". Menurut beliau lagi, "integriti berasal daripada bahasa Inggeris bermaksud berpegang teguh kepada prinsip kejujuran serta mempunyai prinsip moral yang tinggi". Secara ringkasnya, integriti boleh dibincangkan kepada dua bahagian iaitu, pertama bersabit dengan individu dan kedua integriti di peringkat organisasi. Namun begitu, pada umumnya, integriti merujuk kepada himpunan kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu dan kualiti ini berteraskan kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan yang bermoral tinggi.

• Integriti Individu

Di peringkat individu, integriti ialah keselarasan di antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang, serta keselarasan di antara kepentingan diri dengan kepentingan umum.

• Integriti Organisasi

Di peringkat organisasi, tercermin dalam perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik. Kod etika berkenaan ditegaskan, diulangi dan dihayati oleh anggota organisasi berkenaan sehingga menjadi kebiasaan dan akhirnya menjadi budaya organisasi.

Keutuhan Budaya Integriti dalam Koperasi

Menurut pernyataan Identiti Manchester (1995), koperasi merupakan sebuah pertubuhan berautonomi di mana anggotanya bersatu secara sukarela demi mencapai kepentingan dan aspirasi bersama dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya melalui satu badan yang dimiliki dan dikawal secara demokrasi. Anggota Lembaga Koperasi (ALK) telah diamanahkan untuk menjalankan tanggungjawab mentadbir dan mengurus koperasi. Menurut Seksyen 2 Bahagian Tafsiran, definisi ALK ialah badan pengelola yang telah diamanahkan oleh anggota untuk menguruskan koperasi. Walau bagaimanapun, ketelusan dan integriti bukan sahaja terletak di bahu ALK. Anggota juga perlu dipupuk dengan budaya, nilai dan etika yang baik bagi memastikan kesejahteraan dalam koperasi. Oleh itu, nilai-nilai dan prinsip integriti diterapkan di dalam setiap lapisan pengurusan, daripada pemimpin yang berada di atas sehingga yang berada di bawah. Maka, nilai etika dan integriti yang baik harus disemai dan dijadikan satu budaya organisasi dalam koperasi. Koperasi seharusnya mempunyai budaya yang bercirikan:

- 1) Penghayatan agama yang mantap, konsisten, bijaksana, harmonis, sederhana dan toleran.

Contohnya, sentiasa berbalik kepada halal dan haram dalam setiap tindakan yang dibuat.

- 2) Penguasaan ilmu yang berguna dan pemberian nilai dan kehormatan yang tinggi kepada para ilmuwan, kesarjanaan dan kebijaksanaan. Contohnya, sentiasa mengemas kini tahap pengetahuan dan perkongsian ilmu melalui rangkaian koperasi yang terdekat dan sedia ada (dengan menghadiri majlis-majlis ilmu anjuran kerajaan atau koperasi).
- 3) Hormat dan patuh kepada Perlembagaan, undang-undang, peraturan-peraturan dan sebagainya. (Contohnya, menghayati peranan ALK dari sudut statutori, fidusiari dan operasi).
- 4) Pentadbiran yang cekap, amanah, mesra dengan anggota dan tidak tunduk di bawah pengaruh rasuah, bebas daripada penyalahgunaan kuasa atau kedudukan dan bersih dari kronisme.
- 5) Budaya politik yang demokratik, patriotik dan beretika. (Contohnya, kuasa yang diperoleh dianggap sebagai amanah tuhan dan anggota, bukan untuk memenuhi kepentingan diri atau keluarga tetapi untuk menjaga kepentingan koperasi).
- 6) Budaya kerja yang menekankan nilai kerajinan, ketekunan dan kecekapan. (Contohnya, wujudnya piawaian mutu produk dan produktiviti serta piawaian sistem pengurusan yang cekap dan efektif).

Integriti Membentuk Budaya Kerja Cemerlang Koperasi

Dalam menuju ke arah koperasi cemerlang, koperasi perlu bijak mengurus kejayaan, dan berupaya mengatasi pelbagai kelemahan dan kekurangannya. Cabaran besar yang perlu ditanganinya dalam usaha tersebut ialah pemantapan etika dan integriti. Budaya etika dan integriti adalah selaras dengan Prinsip ke-13 dalam prinsip tadbir urus iaitu pengendalian koperasi secara telus akan mengukuhkan lagi tadbir urus koperasi. Budaya kerja merujuk kepada nilai, kepercayaan dan

sikap nilai, kepercayaan dan sikap pekerja terhadap pekerjaan. Isu integriti bukan hanya memfokuskan kepada isu-isu rasuah sahaja, malah ia merupakan satu konsep yang lebih besar. Amalan budaya kerja juga menuntut integriti. Integriti dalam ketepatan waktu, integriti dalam menyampaikan maklumat, integriti dalam memberi perkhidmatan terbaik, integriti dalam berhubung dengan Suruhanjaya, rakan sekerja dan juga anggota. Budaya etika dan integriti ini amat penting dalam mana-mana organisasi kerana ia memastikan pelaksanaan apa jua program serta matlamat dicapai dengan baik serta beretika.

Objektif Budaya Kerja Berintegriti dalam Koperasi

- i. Memberikan hala tuju dan panduan supaya dapat bekerjasama dalam usaha besar membina masyarakat yang bersatu-padu, berharmoni, berintegriti, bermoral dan beretika.
- ii. Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama dalam usaha peningkatan integriti supaya ia menjadi budaya masyarakat dan diamalkan dalam semua bidang.
- iii. Menggalakkan semangat bertanggungjawab dalam kalangan anggota warga kerja serta mendorong perkembangan budaya yang menjunjung prinsip integriti dan bergerak cergas menegakkan integriti.
- iv. Menyumbang kepada usaha pengukuhan asas moral dalam koperasi dan peningkatan kesejahteraan hidup anggota koperasi.
- v. Meningkatkan daya saing dan daya tahan koperasi dalam usaha menangani cabaran globalisasi dengan lebih berkesan.

Budaya Kerja yang Berkualiti

Bagi membentuk budaya kerja yang berkualiti dalam organisasi, beberapa ciri harus diberi perhatian. Budaya kerja yang unggul dan cemerlang menjadi asas

kepada peningkatan dan kualiti produktiviti sesebuah organisasi. Maka dengan itu, koperasi seharusnya memperbaiki dan menentukan budaya kerja yang berkualiti. Pembentukan budaya kerja berkualiti hanya akan tercapai sekiranya warga koperasi mempraktikkan etika kerja dan sifat integriti yang menyeluruh dan positif. Orientasi pengurusan koperasi haruslah bergerak di atas landasan yang betul sebagai prasyarat bagi menjayakan budaya kerja cemerlang iaitu komitmen yang tinggi, mempunyai kesedaran kualiti dan bersedia menerima perubahan. Komitmen dari setiap lapisan warga koperasi bagi meningkatkan kecemerlangan koperasi adalah dituntut. Kerja yang hendak dilaksanakan juga, perlu dilakukan dengan sepenuh hati atas kehendak sendiri dengan mengetepikan segala kepentingan lain khususnya kepentingan peribadi. Koperasi juga hendaklah mewujudkan *mind-set* yang berorientasikan kecemerlangan supaya warga koperasi lebih komited terhadap matlamat utama dan sentiasa menggalakkan koperasi menghayati serta mempraktikkan amalan-amalan pengurusan yang boleh meningkatkan kecemerlangan koperasi.

Memupuk Integriti dalam Koperasi

- **Integriti datangnya dari nilai dan etika diri sendiri**

Menguruskan koperasi dapat diibaratkan seperti menguruskan pentadbiran keluarga sama seperti seorang anak yang mengharapkan ketelusan dan keadilan daripada seorang ayah. Oleh itu, integriti merujuk kepada budaya dan nilai yang diamalkan secara individu dalam institusi kekeluargaan dan masyarakatnya dan diterjemahkan kepada pengamalan pentadbiran dalam koperasi. Ia merujuk kepada nilai dan etika individu. Bagi mempertingkatkan integriti, tumpuan harus diberikan kepada peningkatan secara menyeluruh iaitu bermula dari peringkat akar umbi hingga ke peringkat atasan. Melalui penglibatan yang menyeluruh daripada semua pihak, secara tidak langsung dapat meningkatkan integriti baik dari sudut kekuatan ataupun keampuannya yang tersendiri. Setiap individu

dalam pelbagai peranan yang berbeza perlu memastikan supaya nilai murni diterapkan dan diamalkan pada diri sendiri terlebih dahulu, diikuti keluarga dan seterusnya dapat diaplikasikan dalam koperasi.

- **Menggariskan rangka kerja yang dipatenkan bagi tadbir urus korporat, etika perniagaan dan tanggungjawab kepada masyarakat**

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengeluarkan sebuah buku *Panduan Tadbir Urus Koperasi* yang merangkumi 15 prinsip. Walau bagaimanapun, kesedaran mengenai aplikasi prinsip tersebut masih lagi di tahap yang rendah bagi segelintir koperasi di Malaysia. Maka, tidak hairanlah sekiranya kesedaran berkoperasi masih lagi kurang dan ada di antaranya masih meragui mengenai penubuhan koperasi. Mengikut *Panduan Tadbir Urus* yang disediakan oleh SKM, prinsip pertama menyatakan koperasi hendaklah ditadbir oleh Anggota Lembaga yang efektif dengan misi, strategi dan nilai tadbir koperasi. Atas rasa tanggungjawab sebagai ALK, mereka seharusnya membangunkan satu sistem kod etika bekerja yang lebih efisien supaya setiap ALK dapat bergerak dengan lebih sistematik dan bertanggungjawab. Koperasi seharusnya melihat budaya kerja korporat sebagai satu mekanisme untuk menjadi lebih maju dan cemerlang.

- **Piawaian nilai etika, tadbir urus dan integriti**

Koperasi juga boleh membangunkan satu set piawaian nilai etika dan tadbir urus yang berintegriti dalam kalangan anggota koperasi. Melalui set piawaian yang dibangunkan, koperasi dapat menjamin kestabilan tadbir urus bagi setiap ALK. Umum mengetahui bahawa tumpuk pimpinan koperasi mengalami perubahan melalui Mesyuarat Agung Tahunan. Justeru, dengan piawaian ini, ALK bertanggungjawab mematuhi set piawaian yang sedia ada. Koperasi juga dapat mengekalkan tradisi dan budaya yang baik melalui piawaian ini.



- **Program-program latihan integriti**

Melalui program-program anjuran agensi kerajaan, koperasi juga boleh mendapatkan maklum balas dan cadangan atas isu integriti yang dibangkitkan. Melalui platform ini, warga koperator dapat berjumpa dan berkongsi pengalaman sesama mereka dan berkomunikasi mengenai masalah yang dihadapi selain bertukar pandangan mengenai isu yang dibincangkan.

- **Penyebaran mesej integriti kepada koperasi**

Koperasi harus bergerak melalui inisiatif sendiri. Program-program yang dijalankan hendaklah diterapkan dengan nilai-nilai murni dan keyakinan terhadap berkoperasi. Jika dilihat secara kasar, golongan belia masih kurang kesedaran berkoperasi. Disebabkan itu, segelintir koperasi menghadapi masalah kepimpinan daripada barisan belia dan menyebabkan koperasi menghadapi masalah untuk meneruskan perjuangan berkoperasi. Penyebaran mesej ini perlu dilakukan melalui medium seperti media cetak, media elektronik dan kekreatifan ALK dalam menyampaikan maklumat integriti kepada anggota-anggotanya. Selain itu, kaedah ini juga dapat meningkatkan tahap keyakinan barisan ALK yang sedia ada.

Kesimpulan

Dapat dirumuskan bahawa cabaran yang dihadapi ialah keperluan untuk memastikan setiap koperator daripada peringkat anggota ke Anggota Lembaga Koperasi mempunyai sikap nasionalisme untuk membina koperasi yang utuh dan berdaya saing, semangat jati diri untuk memajukan diri, dan menjauhi unsur-unsur negatif, serta kecintaan yang tinggi terhadap koperasi. Sekali gus berupaya menzahirkan prestasi kerja yang tinggi serta mengamalkan kepimpinan yang cemerlang yang boleh diteladani dan berupaya membawa perubahan yang positif. Semua ini adalah pra-syarat pembangunan insan yang selaras dengan kehendak persekitaran dalaman dan luaran masa kini dan masa hadapan.

Sebagai individu, kita perlu menangani masalah ini secara menyeluruh dan menyuburkan semula nilai-nilai murni dalam segala tingkah laku dan tindakan kita. Tidak ada gunanya jika masyarakat kita kaya dari segi kebendaan tetapi muflis dari segi moral, etika dan integriti. Kesemua elemen ini dapat melahirkan individu yang berintegriti tinggi dan seterusnya mencapai cita-cita menjadi sebuah negara maju menurut acuan sendiri.

Pemantapan integriti memerlukan perancangan, pelaksanaan, penyelaras dan pemantauan berkesan. Gerakan semua komponen dalam koperasi diyakini dapat mengkoordinasi segala tindakan ini secara lebih holistik dan menjurus ke arah pencapaian matlamatnya. Sinergi bersama secara kolektif ini menjadikan pemantapan integriti satu gagasan dan wadah yang sangat penting dan perlu dilakukan dengan sistematik, komitmen yang tinggi dan sepenuh keikhlasan. Hanya dengan kerjasama semua pihak sahaja, cabaran melahirkan koperasi yang berintegriti tinggi dapat diatasi dan seterusnya melahirkan koperasi yang terbaik.

Justeru, etika, nilai dan integriti dapat dijadikan teras utama dalam tadbir urus koperasi dan budaya dalam gerakan koperasi di Malaysia. Budaya integriti ini secara tidak langsung telah melengkapi nilai-nilai koperasi yang telah dibangunkan oleh pihak SKM dan ia seiring dengan Kod Etika Koperasi (ETIKOP). Ia selaras dengan Dasar Koperasi Negara pada teras strategik pembangunan koperasi dalam DKN 2011-2020. **DK**

Rujukan

Ahmad Abdul Aziz. *Pengurusan sumber manusia dalam organisasi*. Selangor: Citra.

Chin Yee Mun.(2006). *Malaysia: Ilmu, persepsi dan integriti*. Petaling Jaya: Pearson.

Institut Integriti Malaysia.(2012). Pembudayaan integriti di dalam komuniti Malaysia. 2-7

Mendaulatkan martabat bangsa. (2015). Dicapai daripada <https://zanas.wordpress.com/pembinaan-bangsa-dan-negara-malaysia-yang-berdaulat/keutuhan-budaya-dan-moral/>.

Sham.(2015).Integriti. Dicapai daripada <http://www.scribd.com/doc/49190824/INTEGRITI#scribd>.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia.(2008). *Panduan tadbir urus koperasi*. Kuala Lumpur:SKM.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia.(2007). *Akta Koperasi Malaysia 1993 (Akta 502) & Peraturan-peraturan*. Selangor: International Law Book Services.

Syadidi. (2015).Kepentingan integriti dalam organisasi. Dicapai daripada <http://www.scribd.com/doc/62761190/Kepentingan-Integriti-Dalam-Organisasi#scribd>.